

**Jangan Salah Guna Hak Demokrasi - Dr Mahathir
Bernama
26 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Hak demokrasi tidak harus disalah guna untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata sesetengah pihak yang tidak berpuas hati setelah kalah dalam pilihan raya seringkali menyebut hak demokrasi sebagai contoh ketika mereka cuba menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk menerajui kepimpinan negara.

"Mereka menimbulkan kekacauan di seluruh negara, mereka mengadakan demonstrasi jalanan dan mengadu bahawa kerajaan menipu dalam pilihan raya, oleh itu perlu diadakan satu lagi pilihan raya dan menjatuhkan kerajaan yang telahpun dipilih," katanya.

Ini boleh membawa kepada keganasan, serangan dan pembunuhan, katanya pada majlis makan tengah hari yang dianjurkan bagi perwakilan yang menghadiri Forum Antarabangsa Umno bertemakan 'Konflik dan Perdamaian dalam Politik Rakyat - Menoleh ke Belakang atau Memandang ke Hadapan?' di sini Isnin.

Forum dua hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Raza, diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno 2012 yang bermula esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711665>